

11/02/2005

DR MAHATHIR YAKIN KEDATANGAN PELANCONG KE LANGKAWI AKAN BERTAMBAH

LANGKAWI, 11 Feb (Bernama) -- Bekas Perdana Menteri Tun Dr Mahathir Mohamad yakin kedatangan pelancong ke Langkawi akan meningkat walaupun ada akhbar luar negara memberi laporan tidak tepat mengenai bencana tsunami di pulau berkenaan.

Beliau berkata laporan akhbar luar negara terbabit menggambarkan seolah-olah pulau lagenda Mahsuri itu teruk ditimpa tsunami mengakibatkan ramai pelancong membatalkan tempahan hotel.

"Langkawi bernasib baik kerana hanya terkena sedikit sahaja ombak besar tsunami pada 26 Dis lepas. Saya yakin selepas ini kedatangan pelancong akan bertambah," katanya pada sidang akhbar selepas melawat projek ternakan udang dan pelancongan berasaskan alam sekitar (eko pelancongan) di Bukit Malut di sini, semalam.

Dr Mahathir berkata keyakinan itu didorong oleh kehadiran pelancong ke Langkawi yang dilihat memberangsangkan sempena cuti Tahun Baru Cina ini.

Sementara itu, Hasnoel Hashim, Pengarah Urusan Sumber Nadi Alam, syarikat yang mengusahakan projek ternakan udang dan eko-pelancongan itu, berkata kawaan itu akan mempunyai tarikan baru.

Beliau berkata ia membabitkan pembukaan sebuah restoran istimewa yang menghidangkan pelbagai masakan daripada udang selain pakej memancing dan berkuda.

-- BERNAMA

ZI MAN LAT